

4,092 graduan UPM terima ijazah, diploma

Oleh Mohd Feroz Abu Bakar

SERAMAI 4,092 graduan akan menerima ijazah dan diploma pada Majlis Konvokesyen ke-27 (Sidang Kedua), Universiti Putra Malaysia (UPM) esok dan Ahad ini, yang turut disiarkan secara langsung menerusi laman web www.live.upm.edu.my.

Ketua Bahagian Komunikasi Korporat, Pejabat Naib Canselor UPM, Mustafa Ibrahim, berkata Pengurus yang juga Presiden Airod Sdn Bhd, Tan Sri Ahmad Johan, mendahului graduan terbabit dengan menerima Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan Teknologi.

Beliau berkata, ijazah kehormat itu diberikan kepada tokoh terbabit sebagai pengiktirafan sumbangannya dalam dunia keusahawanan sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Sepanjang majlis dua hari berlangsung di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah itu, katanya, sembilan graduan menerima ijazah doktor falsafah (PhD), diikuti sarjana (188), bachelors (3,340) dan diploma (555).

Daripada jumlah graduan sarjana, 187 menerima Sarjana Sains dan seorang Sains Pertanian, manakala bachelors pula, 485 menerima ijazah itu

ANUGERAH	JUMLAH
Doktor Falsafah	9
Sarjana	188
Bachelors	3,340
Diploma	555
Jumlah	4,092

dalam bidang sains, diikuti Sains Pembangunan Manusia (290), Ekonomi (278), Sains Komputer (269), Pentadbiran Perniagaan (240) dan Sastera - bahasa dan Linguistik (222).

Selain itu, seramai 84 graduan menerima bachelors (eksekutif), iaitu program pengajian untuk golongan yang sedang bekerja dan daripada jumlah itu, 48 menerima Bachelors Sastera (Bahasa dan Linguistik Melayu), Bachelors Sastera (Bahasa Inggeris) (32) dan Bachelors Pentadbiran Perniagaan (empat).

Bagi diploma pula, jumlah tertinggi, iaitu 280 graduan dalam bidang Pembangunan Manusia, diikuti Perhutanan (131), Pertanian (120) serta Kesihatan Haiwan dan Penternakan (24).

Canselor UPM yang juga Sultan

Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenaan menyampaikan ijazah dan diploma kepada graduan terbabit pada Sabtu.

Anugerah kepada graduan pada sesi pagi Ahad akan disampaikan Pro Canselor UPM, Tan Sri Hashim Aman, manakala sesi petang oleh Pro Canseor UPM, Tan Si Thong Yaw Hong.

Dalam konvokesyen sidang pertama 19 dan 21 April lalu, seramai 4,514 graduan menerima ijazah dan diploma masing-masing, termasuk 52 graduan PhD, sarjana (685), bachelors (3,473) dan diploma (304).

Pejuang seni irama Melayu asli tanah air, Tan Sri SM Salim dianugerahkan Ijazah Kehormat Master Muzik (Persembahan) pada sidang pertama itu sebagai pengiktirafan sumbangannya dalam usaha memartabatkan seni itu.